

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

# E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI  
2024



# **WAKAF ILMU**

# WAKAF TUNAI SEBAGAI PEMACU EKONOMI UMMAH



Penulis: Dr. Muhammad Anas Ibrahim & Ustazah Aemy Aziz  
Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP & Pensyarah ACIS UiTM Johor

**Wakaf merupakan harta atau benda yang bertujuan untuk disumbangkan ke jalan Allah SWT sama ada ianya boleh dijadikan sebagai aktiviti yang terlibat dengan ekonomi, membantu golongan yang memerlukan, membina fasiliti contohnya masjid-masjid dan bangunan serta sumber bantuan yang dapat memberi manfaat berbentuk kekal kepada penerima wakaf tersebut.**

Penderma yang memberi sumbangan yang bertujuan dengan keagamaan, maka ia amat digalakkan kerana banyak kebaikan yang dapat diperoleh terutama kepada golongan yang menerimanya. Wakaf juga boleh dikenali sebagai kebendaan yang boleh digunakan dan dimanfaatkan atas tujuan khusus yang tertentu dan barang atau aset yang diwakafkan tidak boleh dijualkan atau dibiarkan tanpa diuruskan.

Manakala wakaf tunai adalah suatu bentuk wakaf yang bertujuan untuk keagamaan yang mana ia memberi banyak kebaikan kepada umat Islam.

Metode seperti ini amat berkesan kerana ianya mudah dicairkan, senang diurus serta dapat diagihkan dengan mudah yang membawa kepada pembangunan komuniti Islam.

Wakaf tunai boleh digunakan untuk tujuan mudarabah dan hasil yang dijana melalui kontrak ini boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti amal jariah. Ini merupakan suatu jenis wakaf selain daripada kebiasaannya merupakan aset kekal seperti bangunan dan tanah.

Wakaf tunai dapat dilihat sebagai salah satu alternatif bagi pembangunan ekonomi makro, dapat mengurangkan perbelanjaan pentadbiran dan penjanaan dana untuk tujuan pembangunan.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa wakaf tunai boleh dikira sebagai benda yang bermanfaat dan baik untuk tujuan keagamaan dan infrastruktur seperti bangunan sekolah, masjid dan lain-lain jenis fasiliti.

Namun persoalannya, kesedaran dalam kalangan masyarakat dalam menyumbang wakaf tunai agak mengakibatkan kutipan hasil kutipan wakaf tunai tidak memuaskan. Hal ini, amat merugikan umat Islam dalam menghadapi sosial ekonomi dalam kalangan orang bukan Islam.

Terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada kurangnya kesedaran masyarakat terhadap wakaf tunai. Antaranya ialah kurangnya pendedahan dan pendidikan mengenai konsep dan manfaat wakaf tunai.

Ramai di kalangan umat Islam yang masih belum memahami bagaimana wakaf tunai boleh digunakan untuk membantu golongan miskin, membangunkan infrastruktur, atau menyokong pendidikan dan kesihatan.

Wakaf tunai berpotensi besar untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi umat Islam. Sebagai contoh, dana wakaf tunai boleh digunakan untuk membina pusat-pusat pendidikan, hospital, atau masjid yang tidak hanya menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat Islam tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat secara keseluruhan.

**Wakaf tunai, umat Islam dapat memperkuatkan ekonomi mereka dengan menyediakan dana mikro untuk perniagaan kecil, memberikan biasiswa kepada pelajar yang kurang berkemampuan, dan membiayai program-program latihan dan pembangunan kemahiran.**

Langkah-langkah ini dapat meningkatkan daya saing umat Islam dalam ekonomi yang semakin mencabar.

Strategi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap wakaf tunai untuk mengatasi masalah kurangnya kesedaran ini, beberapa langkah proaktif perlu diambil:

**Pendidikan dan Kempen Kesedaran:** Institusi-institusi agama, NGO, dan kerajaan perlu melancarkan kempen yang komprehensif untuk mendidik masyarakat mengenai konsep wakaf tunai, kepentingannya, dan manfaat yang boleh diperoleh daripadanya. Ini termasuklah penganjuran seminar, forum, dan bengkel yang melibatkan komuniti.

**Transparensi dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Wakaf:** Memastikan pengurusan dana wakaf dijalankan dengan telus dan akauntabiliti. Laporan kewangan harus diterbitkan secara berkala, dan masyarakat harus dimaklumkan tentang bagaimana dana wakaf digunakan. Ini akan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf dan menggalakkan lebih banyak sumbangan.

**Inovasi dalam Pengumpulan Dana Wakaf:** Menggunakan teknologi digital seperti aplikasi dan platform dalam talian untuk memudahkan sumbangan wakaf tunai. Kaedah ini bukan sahaja mudah dan cepat, tetapi juga boleh menjangkau lebih ramai penyumbang, terutamanya golongan muda.

**Pengiktirafan dan Insentif untuk Penyumbang:** Memberikan pengiktirafan kepada penyumbang wakaf tunai dan menyediakan insentif seperti pelepasan cukai boleh menggalakkan lebih ramai individu dan syarikat untuk turut serta dalam menyumbang.

### Kesimpulan

Kesedaran masyarakat terhadap wakaf tunai perlu dipertingkatkan untuk memastikan dana yang mencukupi dapat dikumpul bagi tujuan pembangunan umat Islam. Dengan pendekatan yang lebih strategik dan menyeluruh, wakaf tunai dapat dimanfaatkan secara optimum dalam menangani cabaran sosioekonomi, sekali gus memperkuatkukan kedudukan umat Islam di persada ekonomi global. Umat Islam perlu melihat wakaf tunai bukan sekadar sebagai sumbangan, tetapi sebagai pelaburan untuk kesejahteraan bersama dan masa depan generasi akan datang.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder  
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.